

Kolam udang jejas pendapatan nelayan

Penduduk dakwa kerja korek tanah dekat tebing sungai punca hakisan

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

Bagan Serai: Projek kolam ternakan udang di persisir Sungai Kurau, berhampiran Kampung Sangyak, Pandak Puteh, di sini didakwa mendatangkan masalah hakisan dan menjejaskan sumber pendapatan nelayan lebih 200 nelayan pantai di Kuala Kurau dan Nibong Hangus, dekat sini.

Penduduk, Mohd Radzi Said,

52, berkata projek ternakan kolam udang seluas 32.37 hektar (80 ekar) yang tidak diketahui statusnya disedari penduduk beberapa minggu lalu, selepas melihat kerja pengorekan tanah dilakukan.

Beliau berkata, paling megejutkan apabila kolam yang dikorek hanya beberapa meter daripada tebing sungai dan sudah melangkaui rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

“Jika projek ini terus berjalan, banyak risiko yang akan menanti penduduk dan nelayan, antaranya ia akan menjejaskan sumber perikanan dan pendapatan nelayan jika air buangan daripada kolam udang dilepaskan ke sungai yang menyebabkan banyak ikan mati.

“Yang paling kami bimbangkan akan berlaku hakisan kerana jarak kolam yang dikorek hanya beberapa meter dari tebing

sungai dan jika hakisan terus berlaku akibat dari projek kolam udang ini, beberapa buah kampung akan mendapat malapetaka besar,” katanya ditemui media semalam.

Selain itu, Mohd Radzi berkata, penduduk sekitar kawasan itu turut berdepan dengan masalah haiwan liar seperti kera dan babi hutan yang dikatakan menceroboh tanaman padi dan mengganggu perumahan penduduk berikutnya habitat mereka diteroka.

Mohd Radzi yang juga Bendahari Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai (JARING) Malaysia dan Ketua Kluster Nelayan, berkata sebelum kewujudan projek kolam ternakan udang terbaru itu, terdapat projek sama dibuat beberapa tahun lalu namun ianya dihentikan sementara.

“Sekitar 2019, terdapat projek sama dibuat namun ianya di-



Jarak kolam udang terlalu hampir dengan tebing sungai menyebabkan hakisan sekali gus menjejaskan sumber perikanan.

(Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

hentikan setelah penduduk dan nelayan membuat dialog secara bersama-sama dengan pihak berkaitan serta aduan Sahabat Alam Malaysia (SAM).

“Selepas pertemuan itu, projek terabit dihentikan sementara namun dalam tempoh beberapa minggu ini kami terkejut apabila mendapati projek berkenaan bermula kembali dan tapak baharu dengan keluasan anggaran lebih 60 ekar (24.2 hektar) sudah diteroka.

“Siapa yang bagi kebenaran? Kami minta kerajaan jalankan siasatan secara tulus dan jika be-

nar ianya melanggar undang-undang, hentikan segera projek ini kerana yang menanggung risiko adalah nelayan dan penduduk.

“Kami juga sudah menghantar aduan kepada Menteri Besar Perak (Datuk Seri Saarani Mohammad) menangani masalah ini namun belum ada sebarang jawapan diterima,” katanya.

Tinjauan NSTP hari ini mendapati tiada sebarang papan tanda mengenai projek ternakan kolam itu malah kesan korekan tanah bagi pembinaan kolam udang juga didapati masih baru dilakukan.